# 6. Panduan Tuntutan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) untuk Orang Berinsurans (OB) yang Mempunyai Masalah Kesihatan



Pergi ke lindungkerjaya.perkeso.gov.my

## 01 Log Masuk & Buka Halaman Tuntutan

Log masuk ke Portal LINDUNG Kerjaya menggunakan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan.

Masukkan kod pengesahan 6 digit yang dihantar ke e-mel berdaftar anda. Selepas berjaya log masuk, Dashboard OB akan dipaparkan.

Klik butang [**Lihat Tindakan**] untuk memulakan proses Tuntutan.



## 02 Mulakan Tuntutan

Klik butang [**Hantar Tuntutan**] untuk memulakan proses permohonan anda.



## 03 Pilih Status Tidak Bekerja

Sistem akan memaparkan halaman Maklumat Kes.

Klik butang [**Tidak Bekerja**] untuk meneruskan tuntutan EMP.



# 04 Arahan Borang EMP

Sistem akan memaparkan Arahan Borang EMP.

Baca arahan yang dipaparkan, kemudian klik butang [**Saya Faham & Teruskan**] untuk meneruskan.



# 05 Akses Pilihan Jenis Kesihatan

Klik pada kotak "checkbox" **Pengisytiharan Keadaan Kesihatan** sekiranya anda mempunyai masalah kesihatan yang mmenghalang anda daripada melakukan aktiviti pencarian pekerjaan.



## 06 Pilih Jenis Keadaan Kesihatan

Pilih jenis keadaan kesihatan daripada senarai yang disediakan.



# 07 Muat Naik Dokumen Sokongan

Muat naik dokumen sokongan kesihatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar



# 08 Pengisytiharan & Persetujuan

Selepas berjaya memuat naik dokumen, klik pada kotak "checkbox" sebagai tanda persetujuan maklumat anda boleh digunakan untuk tujuan pemprosesan permohonan.



# 09 Hantar Borang Tuntutan

Klik butang [**Hantar**] untuk menghantar tuntutan anda.



## 10 Cetak Resit Tuntutan

Selepas tuntutan berjaya dihantar, resit tuntutan akan dipaparkan.

Klik butang [**Cetak Resit**] untuk mencetak resit sebagai bukti tuntutan anda.

Nota:
Anda akan menerima pemakluman ke e-mel yang berdaftar bagi setiap tuntutan yang berjaya dihantar



## 11 Selesai dan Kembali

Klik pada butang [**Selesai & Kembali**] untuk kembali ke Dashboard OB.



## 12 Semak status permohonan

Untuk menyemak status permohonan, klik pada butang [**Lihat Tindakan**], kemudian klik butang [**Lihat Permohonan**].



## 13 Lihat Senarai Tuntutan

Klik tab [**Tuntutan**] untuk melihat senarai tuntutan yang telah dihantar.



# 14 Semak Butiran Permohonan

Anda boleh menyemak butiran dan status tuntutan yang dihantar di halaman ini.

